

25/10/2000

Murtad: PM jelaskan kenapa hukuman bunuh tidak dilaksana

KUALA LUMPUR, Selasa - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menjelaskan, hukuman bunuh ke atas orang Islam yang murtad tidak dilaksanakan di negara ini kerana perbahasan mengenainya masih belum selesai.

Perdana Menteri berkata, berikutan tiada penyelesaian sehingga kini, sama ada hukuman bunuh atau sebaliknya perlu dilaksanakan kepada mereka yang murtad, Malaysia memilih untuk tidak melakukan apa-apa.

Langkah itu, katanya, bagi mengelak orang yang dikenakan hukuman bunuh, teraniaya apabila keluar fatwa mengatakan hukuman seumpama itu tidak sesuai untuk dilaksanakan.

"Amat teraniaya jika hukuman bunuh dijatuhkan dan kemudiannya didapati ia tidak kena," katanya dalam sesi dialog pada seminar antarabangsa mengenai Undang-undang Islam Dalam Dunia Masa Kini di Institut Kefahaman Islam (Ikim), di sini hari ini.

Seminar dua hari anjuran bersama Ikim dan Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia itu bertujuan mengkaji usaha melaksanakan undang-undang Islam dalam dunia Islam masa kini.

Dr Mahathir menjawab soalan yang diajukan salah seorang peserta seminar berhubung kelewatan kerajaan melaksanakan undang-undang murtad sedangkan perbuatan itu adalah jenayah besar di sisi agama.

Perdana Menteri berkata, pelaksanaan hukuman bunuh terhadap mereka yang murtad juga hanya akan mematahkan semangat orang bukan Islam untuk memeluk Islam.

Walaupun pihak yang ortodoks berpendapat tidak ada kesangsian mengenai hukuman bunuh terhadap mereka yang keluar Islam, ada juga yang berkata pelaksanaan hukuman bunuh itu 'tidak kena'.

"Jika kita kata kalau orang bukan Islam memeluk agama Islam dan kemudian mereka keluar daripada Islam lalu dikenakan hukuman bunuh sudah pasti Islam tidak akan berkembang di kalangan mereka," katanya.

Dr Mahathir berkata, hukuman itu boleh dilaksanakan tanpa masalah di negara yang 100 peratus penduduknya Islam tetapi keadaannya berbeza dengan masyarakat Malaysia yang berbilang kaum dan agama.

"Bagaimanapun, hampir tidak ada negara di dunia yang mempunyai penduduk 100 peratus Islam kecuali Arab Saudi.

"Tambahan pula, di Malaysia juga tidak dibenarkan perkahwinan antara orang Islam dengan ahli kitab seperti diamalkan di beberapa negara Islam lain seperti Senegal.

"Perkahwinan antara orang Islam dan bukan Islam di Malaysia hanya berlaku sesudah pasangan bukan Islam memeluk agama Islam. Justeru, apabila timbul masalah antara kedua-dua pihak, mereka akan bercerai menyebabkan si isteri atau suami yang dulunya bukan Islam kembali kepada agama asal mereka," katanya.

Mengenai penyeragaman undang-undang syariah di negara ini, Dr Mahathir berkata, sejak pembentukan Malaysia, perkara itu sudah diputuskan sebagai hak raja-raja setiap negeri dan mereka mempunyai penasihat agama sendiri.

Bagaimanapun, katanya, kerajaan cuba memberi panduan undang-undang kepada setiap negeri tetapi malangnya ada negeri tidak bersetuju untuk menerima pakai panduan berkenaan.

Mengenai pendapat ulama yang sentiasa berbeza-beza, Dr Mahathir berkata, jalan terbaik bagi mengatasi masalah itu ialah menerusi penerangan dan pendidikan kepada umat Islam.

"Langkah ini akan membantu rakyat menangkis segala pandangan dan

pendapat yang berbeza dengan ajaran Islam sebenar," katanya.

Mengenai langkah kerajaan mengawasi perbuatan sesetengah pihak termasuk ulama yang menyuarakan pandangan dianggap kurang sihat, Dr Mahathir berkata, sememangnya tindakan keras boleh diambil terhadap mereka.

Bagaimanapun, apa yang lebih baik ialah penerangan dan pendidikan berterusan mengenai ajaran sebenar Islam bagi membolehkan rakyat menangkis pandangan seumpama itu.

(END)